

Dr Koh mesti bela nasib Melayu

BH - 09/07/2007

Timbal balas kesediaan sokong Cina sebagai Ketua Menteri: Najib

Oleh Faiza Zainudin dan Mohd Anwar Patho Rohman

BUTTERWORTH: Datuk Seri Najib Razak mahu Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon membela nasib orang Melayu di negeri itu sampai bila-bila kerana mereka sanggup menerima dan menyokong seorang bukan Melayu sebagai Ketua Menteri.

Timbalan Perdana Menteri, berkata, Dr Koh harus sedar dan melaksanakan tanggungjawab itu kerana ia adalah kontrak sosial yang diterima Umno di Pulau Pinang sebagai satu-satunya negeri yang Ketua Menterinya bukan daripada orang Melayu.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Ketua Menteri Pulau Pinang tidak boleh menetapkan hak orang Melayu kerana mereka selama ini rela memberi laluan dan menyokong orang bukan Melayu menjadi Ketua Menteri.

“Umno beri laluan dan sokongan kepada calon serta rakan dari parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menjadi Ketua Menteri di Pulau Pinang. Sebagai timbal balas yang perlu ada, Ketua Menteri Pulau Pinang mestilah juga bela orang Melayu.”

“Itu sudah menjadi satu kontrak

sosial yang diterima Umno di Pulau Pinang,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Batu Kawan di sini, semalam.


Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah; Ketua Umno Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad; Timbalannya, Datuk Mohd Noordin Mohd Kassim dan Ahli Parlimen Balik Pulau merangkap wakil Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Ketua Menteri Pulau Pinang pertama adalah Tan Sri Wong Pow Nee (mendiang), kedua Tun Dr Lim Chong Eu dan kini Dr Koh.

Najib berkata, Ketua Menteri Pulau Pinang perlu menerima formula kongsi kuasa yang diamalkan Umno sebagai parti yang menjadi tulang belakang komponen BN.

“Pada masa sama, perlu wujud persefahaman antara semua pemimpin parti komponen BN di negeri ini bagi membantu nasib orang Melayu di Pulau Pinang.

“Kalau itu dapat diterima, semua akan dapat faedah, mungkin sebelum ini ada kelemahan tertentu tetapi kita tidak boleh ketepikan persefahaman kerana Umno bagi laluan sokong calon daripada



TANDA PENGHARGAAN: Najib meneliti cenderahati yang diterima daripada Mohd Nordin (kanan) sambil diperhatikan Abdul Rashid (tengah) selepas perasmian Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Batu Kawan di Prai, semalam.

rakan BN untuk jadi Ketua Menteri.

“Sekiranya kita pegang kepada prinsip perkongsian kuasa ini, barulah banyak cara dan kaedah yang boleh dibuat untuk membela kedudukan serta nasib Melayu di Pulau Pinang,” katanya.

Pada masa sama, Najib turut mengingatkan orang Melayu di negeri ini supaya merancang strategi tertentu untuk memastikan mereka te-

“*Formulasi kongsi kuasa satu kontrak sosial yang diterima Umno di Pulau Pinang*”

Najib Razak
Timbalan Presiden Umno

rus berdaya saing dengan kaum lain.

“Jangan rasa kerana orang Melayu hanya 30 peratus di Pulau Pinang, mereka tidak mungkin mencapai hasrat dan cita-cita untuk berjaya sebaliknya jika susun langkah ke hadapan dan terima hakikat ini, orang Melayu boleh maju.

“Tiada sebab Melayu di Pulau Pinang tidak boleh capai kejayaan besar,” katanya. //